

UUM ONLINE: Mantan Perdana Menteri Malaysia yang keempat, Tun Dr Mahathir Mohamad menyaran pelajar-pelajar antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM), mengambil peluang ketika belajar di universiti ini untuk mengubah negara masing-masing ke arah yang lebih baik.

"UUM ditubuhkan bertujuan untuk melahirkan pemimpin serta ketua yang dapat mengurus dan mentadbir sesebuah organisasi dengan baik. Ini kerana negara yang lemah dalam sistem pengurusan, maka mundur dan lemahlah negara berkenaan," ujar beliau sewaktu berucap di Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya baru-baru ini.

Tun Dr Mahathir juga mengingatkan bahawa individu yang berjaya mengurus individu yang lain akan memperoleh kejayaan.

"Sesebuah organisasi yang berjaya mencapai misi dan visi, merupakan organisasi yang memiliki sistem pengurusan yang baik dalam mengendalikan pekerja mereka," tambah beliau lagi.

Selain itu, beliau juga berkata, negara yang kaya dengan sumber belum pasti kaya dan maju berbanding negara yang tidak memiliki sumber sekiranya gagal dalam mengurus dan mentadbir negara.

Tun Dr Mahathir juga menjelaskan, ilham untuk menubuhkan UUM iaitu universiti pengurusan di negara ini juga untuk mengelak Malaysia daripada dijajah oleh negara lain.

"Sejarah telah membuktikan pengurusan penting dalam sesebuah negara, Portugis datang ke Melaka dengan kesempurnaan dalam pengurusan organisasi untuk menawan dan menjajah Melaka yang ketika itu lemah dalam pengurusan organisasi," tambah Tun Dr Mahathir lagi.

Sementara itu, pelajar UUM dari Chad, Walid Mahamat Moussa ketika ditemui berkata, program ini dapat membangkitkan semangat beliau untuk membantu proses pembangunan negaranya.

"Tun Dr Mahathir ialah seorang pemimpin hebat di dunia, pandangan dan nasihatnya menjadi dorongan kepada saya untuk membantu Chad menjadi negara seperti Malaysia," tambah beliau lagi.

Turut hadir dalam "Program Melawat Tun Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya" anjuran Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa (CIAC) UUM ini ialah, isteri Tun Dr Mahathir, Tun Siti Hasmah Mohamad Ali, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UUM, Prof Dr Rosna Awang Hashim, Pengarah CIAC, Prof Madya Dr Razli Che Razak, pensyarah-pensyarah pelawat, kakitangan CIAC dan pelajar antarabangsa UUM.

Habis.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my